

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan senarai strain baharu bagi penyakit masih berleluasa dan yang muncul semula (setelah dibasmi) serta penyakit baharu seperti Zika di Malaysia serta sumber yang digembleng seperti perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dan bilangan staf untuk menentang strain dan penyakit baharu antara 2000-2015.

Tuan Yang di Pertua,

Di Malaysia, bilangan jenis virus yang muncul atau muncul semula di antara 2000-2016 adalah sebanyak tujuh (7) jenis. Di antaranya adalah SARS-COV, Chikungunya (strain Asian genotype), Chikungunya (strain Central/East African Genotype), Influenza A pdm 09, Avian Influenza H7N9, MERS-CoV dan Zika.